



Rujukan kami : UniSZA.500-8/9/1 (15)  
Bertarikh : 17 Oktober 2023

**Puan Aslinda binti Jamil**

Pensyarah  
Fakulti Farmasi  
Universiti Sultan Zainal Abidin

Puan,

**KELULUSAN PENEMPATAN PESERTA UniSZA ACADEMIA @ INDUSTRY ENGAGEMENT PROGRAMME (AIEP) TAHUN 2023**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan (JkPP) Bil.5/2023 yang bersidang pada 1 Oktober 2023 telah meluluskan penempatan puan bagi AIEP tahun 2023. Berikut adalah maklumat agensi/syarikat dan tempoh penempatan.

- a) Agensi/Syarikat : Superbig Capital Berhad
- b) Nama CEO/Pegawai : Dr. Wan Sazrina binti Dato' Wan Zaid
- c) Jawatan CEO/Pegawai : Pengasas/ Ketua Pegawai Eksekutif
- d) Tempoh penempatan : 1 Oktober 2023 sehingga 31 Disember 2023 (3 bulan)

3. Bersama-sama ini dilampirkan Terma Rujukan dan KPI yang perlu dicapai sepanjang latihan tersebut. Segala perbelanjaan seperti penginapan, makan minum, pengangkutan dan yang berkaitan adalah menggunakan peruntukan Pelan Strategik UniSZA (PSU), Penyelidikan Berimpak Tinggi (B0132-0031-02) sebanyak RM 3,000.00.

4. Sebarang pertanyaan puan boleh hubungi **Puan Fatin Zahidah binti Muhammad** di talian **09-6687760 / 014-3639391**.

Segala perhatian dan komitmen yang diberikan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**'MALAYSIA MADANI'**

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

**'Ilmu dan Akhlak'**

Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. TS. DR. SHUKOR BIN ABD RAZAK**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

s.k.: - Dekan, Fakulti Farmasi  
- Fail

FZM



## LAMPIRAN

### TERMA RUJUKAN

#### **UniSZA ACADEMIA @ INDUSTRY ENGAGEMENT PROGRAMME TAHUN 2023**

#### **1. Pengenalan**

- UniSZA Academia @ Industry Engagement Programme (AIEP) julung kali diperkenalkan bermula pada tahun 2023.
- AIEP akan berlangsung selama **3 bulan** bermula **1 Oktober – 31 Disember 2023**, merupakan inisiatif UniSZA dalam mempergiat jalinan kerjasama antara akademia UniSZA dan industri.
- Akademia yang terpilih ke AIEP ini boleh membuat tuntutan **maksimum RM 3,000.00** menggunakan peruntukan daripada PSU *High Impact Research*.
- Konsep perlaksanaan libat urus (*engagement*) ini adalah secara **fleksibel/remote**.
- **Dekan Fakulti** berperanan dalam memberikan kelulusan Permohonan Tugasan Luar Pejabat yang dipohon oleh akademia.

#### **2. Objektif**

- Menyediakan platform pendedahan industri kepada peserta Akademia;
- Memperoleh pengalaman dan pengetahuan daripada CEO dan kepimpinan tertinggi syarikat/agensi sangkutan;
- Berperanan memacu jalinan kolaborasi industri dan universiti yang berimpak tinggi;
- Mengukuhkan Kerjasama antara UniSZA dan industri.



### **3. Tanggungjawab Akademia**

- Memberi komitmen sepenuhnya terhadap AIEP dengan mengikuti segala program yang diaturkan daripada semasa ke semasa oleh pihak UniSZA dan industri.
- Mengukuhkan Kerjasama antara UniSZA dan industri.
- Sebagai pengantara/pemudahcara antara UniSZA dan Industri (menjadi wakil UniSZA di industri berkenaan).
- Melaksanakan program *engagement* di industri selama tiga (3) bulan secara fleksibel/ *remote* (1 Oktober hingga 31 Disember 2023).
- Menghantar laporan akhir dan memastikan KPI Tercapai.

### **4. KPI Akademia Bagi UniSZA *Academia@ Industry Engagement Programme***

- i) Mengadakan pertemuan secara fizikal sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam tempoh pelaksanaan AIEP bersama CEO/Pengurusan tertinggi industri.
- ii) Mengatur pertemuan atau sesi *engagement* di antara fakulti-fakulti atau PTj di UniSZA dengan industri supaya jalinan kerjasama dengan industri melibatkan sebanyak mungkin fakulti/PTj di UniSZA.
- iii) Menjalankan satu (1) projek kerjasama dengan pihak industri dalam tempoh 6 bulan dari tarikh bermula AIEP (projek penyelidikan tajaan penuh industri / geran padanan / makmal satelit / tajaan hadiah / endowment atau Mou/MoA).